

Headline	Shaklee, FRIM kurangkan pemanasan global
Date	11. Mar 2009
Media Title	Sinar Harian
Section	Selangor & KL
Circulation	60000
Readership	0
Language	MALAY
Page No	S13
Article Size	152 cm2
Frequency	Daily
Color	Full Color
AdValue	841.39



Bukan sekadar kempen biasa Shaklee, FRIM kurangkan pemanasan global

KEPONG – Sebuah syarikat berasaskan produk mesra alam bertekad membantu mengurangkan pemanasan global dengan melancarkan kempen ‘Sejuta Pokok, Sejuta Impian’.

Pengerusi Shaklee Corporation Malaysia, Roger Barnet berkata, usaha pihaknya bukan sekadar kempen semata-mata tetapi percaya ia sebagai sumbangan yang perlu dilakukan semua pihak bagi ‘menyelamatkan’ bumi

ini.

“Shaklee mengambil perspektif global dalam pemuliharaan alam sekitar, sebagai salah sebuah syarikat memperingkat produk berdasarkan bahan semula jadi. Kami yakin usaha ini penting bukan sahaja bagi memastikan kesihatan penduduk, tetapi menjaga muka bumi kita.


“Kami di Shaklee percaya semua individu boleh memainkan peranan da-

lam usaha ini, dengan mula menanam pokok bermula di rumah sendiri,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika dijumpai pada majlis berkenaan yang mendapat kerjasama dari Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) di Taman Botanikal Kepong, di sini.

Program dilancarkan Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Zoal Azha Yusof.

Susulan kempen berkenaan, Shaklee Corporation Malaysia akan bekerjasama dengan FRIM untuk menanam pokok di Taman Botanikal Kepong, bagi membangunkan kawasan rekreasi itu sebagai taman awam sebelum kempen seterusnya bergerak ke Beijing, China. Sehingga kini 870,096 pokok telah ditanam di Amerika Syarikat dan Kanada menerusi kempen syarikat ini.



● Barnet (dua dari kiri) bersama Zoal, dalam program ‘Sejuta Pokok, Sejuta Impian’ yang berlangsung di Taman Botanikal Kepong.